



SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 14 TAHUN 1982

SUKATAN PEPERIKSAAN UNDANG-UNDANG KERAJAAN

1. Tujuan

1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk menerangkan sukatan baru bagi Peperiksaan Undang-undang Kerajaan yang akan berkuatkuasa mulai daripada 1hb Januari 1983.

2. Sukatan Peperiksaan Undang-undang Kerajaan

2.1 Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam yang bermesyuarat pada 30hb Mac 1982 telahpun meluluskan Sukatan Peperiksaan Undang-undang Kerajaan yang baru. Sukatan ini adalah digubal semula berdasarkan Sukatan Peperiksaan Undang-undang yang dipakai sekarang dan dengan mengambil kira dari segi keseragaman sukatan, keadilan dan kecekapan seseorang pegawai itu dalam menjalankan tugas-tugasnya sehari-hari.

3. Obejktif Sukatan

1.3 Obejktif diwujudkan sukatan baru Peperiksaan Undang-undang Kerajaan adalah:

- (i) Untuk menyeragamkan semua Sukatan Peperiksaan Undang-undang Kerajaan bagi pegawai-pegawai Kumpulan A dan B yang terlibat di dalam tugas-tugas pentadbiran, pengurusan, penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang berdasarkan kepada Subjek Utama dan Subjek Jabatan.
- (ii) Bagi menentukan bahawa pegawai-pegawai di dalam Kumpulan A dan B yang bukan teknikal benar-benar dapat memahami undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran dan bersangkutan dengan tugas-tugas seharian mereka.
- (iii) Bagi menentukan bahawa pegawai-pegawai berkenaan memahami undang-undang berkenaan serta tahu menggunakan undang-undang tersebut dalam menjalankan tugas-tugas seharian mereka.

4. Kandungan Sukatan

4.1 Kandungan sukatan baru Peperiksaan Undang-undang ini adalah dibahagikan kepada dua subjek penting iaitu Subjek Utama dan Subjek Jabatan. Mana-mana pegawai di dalam Kumpulan A dan B yang disyaratkan di dalam Skim Perkhidmatannya supaya mengambil peperiksaan perkhidmatan dan mereka pula bukan terdiri daripada

pegawai-pegawai teknikal adalah disyaratkan supaya mengambil peperiksaan bagi subjek-subjek utama berikut:

- Bahagian I ... Perintah-perintah Am dan Arahan Pentadbiran
- Bahagian II ... Perlembagaan dan Undang-undang Am
- Bahagian III ... Akta Keterangan, Kanun Acara Jenayah dan Kanun Kesiksaan.

4.2 Subjek Utama adalah merupakan perkara-perkara umum yang perlu diketahui oleh setiap pegawai di dalam Kumpulan A dan B. Subjek-subjek ini adalah terdiri daripada undang-undang umum secara langsung atau tidak langsung berkait rapat dengan tugas-tugas harian pegawai berkenaan. Undang-undang ini juga adalah menjadi asas di dalam pentadbiran awam negara dan berkait rapat pula dengan tugas-tugas pengawasan pegawai berkenaan.

4.3 Peperiksaan bagi Subjek Utama ini akan dikendalikan sepenuhnya oleh Panel Subjek Lembaga. Setiap pegawai di dalam Kumpulan A dan B yang ingin memasuki peperiksaan ini hendaklah memajukan permohonan mereka melalui Ketua Jabatan ke Urusetia Peperiksaan, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh peperiksaan.

4.4 Subjek Jabatan pula adalah merupakan subjek-subjek yang khusus untuk sesuatu jawatan atau skim perkhidmatan tertentu. Ianya adalah merupakan subjek-subjek yang berkait rapat dengan undang-undang atau tugas-tugas pegawai berkenaan di dalam jawatannya. Bahagian-bahagian yang perlu terkandung di bawah subjek Jabatan ini adalah terpulang kepada Jabatan berkenaan dan ianya hendaklah digubal bersama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mendapatkan kelulusan daripada Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam.

4.5 Peperiksaan bagi Subjek Jabatan ini akan dikendalikan sepenuhnya oleh Panel Subjek Jabatan di Kementerian/Jabatan berkenaan melainkan bagi Subjek Jabatan Pegawai Tadbir Am dan Pegawai Kerja di mana peperiksaan ini akan dikendalikan oleh Panel Subjek Lembaga. Pegawai-pegawai Kumpulan A dan B yang ingin memasuki peperiksaan Subjek Jabatan ini hendaklah memajukan permohonan mereka kepada panel subjek Jabatan di Kementerian/Jabatan berkenaan.

4.6 Sukatan Peperiksaan Undang-undang yang lengkap bagi Subjek Utama dan beberapa contoh Subjek Jabatan sebagaimana yang telah digubal semula bersesuaian dengan keperluan di bawah Sukatan Peperiksaan Undang-undang Kerajaan yang baru adalah sebagaimana di lampiran kepada Surat Pekeliling ini.

5. Kuatkuasa Sukatan

5.1. Sukatan Peperiksaan Undang-undang Kerajaan yang baru ini akan berkuatkuasa mulai daripada 1hb Januari 1983. Urusan peperiksaan buat pertama kalinya mengikut Sukatan Peperiksaan yang baru di dalam Pekeliling ini akan diumumkan oleh Urusetia Peperiksaan, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam. Walau bagaimanapun, tarikh sebenarnya pengendalian peperiksaan ini tidak akan diadakan terawal daripada 1hb Mei 1983 supaya tempoh masa yang secukupnya adalah diberi dalam peralihan kepada peraturan-peraturan yang baharu ini.

5.2 Peperiksaan-peperiksaan mengikut peraturan-peraturan sukatan yang masih terpakai sekarang akan diadakan buat kali terakhir dalam peperiksaan pada bulan Oktober/November 1982.

6. Pengecualian

6.1 Pegawai-pegawai Kumpulan A dan B yang sedang berkhidmat dalam tempoh percubaan yang telah lulus beberapa bahagian mengikut sukatan yang sedia terpakai sekarang adalah layak dikecualikan daripada mengambil peperiksaan bagi bahagian-bahagian yang tertentu mengenai perkara yang bersamaan dalam sukatan peperiksaan yang baru bagi peperiksaan-peperiksaan yang diadakan sebelum 1hb Januari 1983. Pengecualian yang diberi adalah mengikut sebagaimana jadual di bawah:

Pegawai Tadbir Am dan lain-lain skim perkhidmatan yang menggunakan sukatan terdapat di dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8/77](#) lulus peperiksaan

Pengecualian daripada Peperiksaan mengikut Sukatan yang baru

Bahagian I dan Bahagian II - Kertas A Pecahan II	Bahagian II
Bahagian II - Kertas A Pecahan I	Tiada Pengecualian
Bahagian II - Kertas B	Bahagian IV-Sabjek Jabatan bagi Pegawai Tadbir Am
Bahagian III	Bahagian I
Sukatan Peperiksaan Perkhidmatan bagi Pegawai Kerja Bahagian II dan III	Bahagian I

Pengecualian bagi lain-lain skim perkhidmatan yang terlibat di dalam pelaksanaan. Sukatan Peperiksaan Undang-undang Kerajaan yang baru akan dipertimbangkan menurut kesamaan sukatan tersebut berbanding dengan Sukatan Peperiksaan Undang-undang yang baru.

6.2 Apabila peperiksaan menurut Sukatan Peperiksaan Undang-undang yang baru ini dilaksanakan sepenuhnya kelak, maka pegawai-pegawai di dalam Kumpulan A dan B yang telah lulus peperiksaan bagi subjek-subjek utama, akan dikecualikan daripada peperiksaan ini apabila dilantik ke Skim Perkhidmatan yang lain di dalam kumpulan gaji yang sama. Begitu juga bagi pegawai-pegawai di dalam Kumpulan B yang telah lulus peperiksaan bagi subjek-subjek utama dan dilantik ke Skim Perkhidmatan yang lebih tinggi di dalam Kumpulan A akan dikecualikan daripada mengambil peperiksaan tersebut.

7. Penggubalan Sukatan

7.1 Bagi skim-skim perkhidmatan bukan teknikal yang sukatan peperiksaannya masih lagi tidak digubal bersesuaian dengan kehendak Sukatan Peperiksaan Undang-undang Kerajaan yang baru ini, maka penggubalan semula sukatan peperiksaan ini akan dibuat dengan secepat mungkin. Walau bagaimanapun bagi skim perkhidmatan bukan teknikal yang masih lagi tidak mempunyai sukatan peperiksaannya, maka penggubalan semula sukatan peperiksaan bagi skim-skim ini hendaklah disesuaikan dengan keperluan-keperluan di bawah Peperiksaan Undang-undang Kerajaan yang baru ini.

8. Peperiksaan Yang Sama Bagi Pegawai-pegawai Kumpulan A dan B

8.1 Walaupun dengan pelaksanaan Sukatan Peperiksaan Undang-undang yang baru ini, pegawai-pegawai di dalam Kumpulan A dan B disyaratkan supaya menduduki peperiksaan yang sama, namun dari segi pemeriksaan kertas-kertas jawapan

peperiksaan akan dijalankan berasingan. Markah lulus bagi setiap kumpulan itu akan ditentukan berdasarkan "standard mark" bagi setiap kumpulan itu.

9. Buku Rujukan

9.1 Jabatan Perkhidmatan Awam sedang mengambil tindakan untuk membukukan semua undang-undang di bawah Sabjek Utama di dalam satu buku rujukan. Urusan percetakan buku rujukan ini dijangka akan siap pada bulan Oktober 1982. Dengan adanya buku rujukan ini kelak, masalah Jabatan/calon untuk mendapatkan buku undang-undang berkenaan akan dapat diatasi.

10. Dengan berkuatkuasanya Sukatan Peperiksaan Undang-undang Kerajaan yang baru, maka surat-surat dan surat pekeliling berikut adalah dibatalkan:

- (i) [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1977](#);
- (ii) JPA. Sulit CSO. 1670/51/Bhg. 9/(127) bertarikh 15hb Mac, 1976;

- (iii) Sukatan Peperiksaan Penguasa Pos sebagaimana terdapat dalam "Handbook of Examinations Syllabuses", Jabatan Cetak Kerajaan, 1959;
- (iv) JPA. Sulit (SP)/29. 18/1/11 bertarikh 25hb Julai, 1975.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(MOHD NOORANI BIN KAMARUN)
*Bahagian Perkhidmatan,
b.p.Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.*

1hb Jun, 1982.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,
Semua Ketua Jabatan Persekutuan,
s.k.
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.
Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun,
Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.

SUKATAN PEPERIKSAAN UNDANG-UNDANG KERAJAAN (SABJEK UTAMA) BAGI PEGAWAI-PEGAWAI KUMPULAN A DAN B

1. Matlamat Sukatan Matlamat sukatan ini ialah;
 - (a) Untuk menentukan bahawa undang-undang umum yang berkaitan dengan pentadbiran dan bersangkutan dengan kerja-kerja harian dalam pentadbiran dapat diketahui oleh semua pegawai dalam kumpulan yang berkenaan.
 - (b) Menentukan semua pegawai memahami undang-undang yang berkenaan serta tahu menggunakannya dalam segala tugas harian mereka.
2. Tujuan Peperiksaan Untuk pengesahan dalam jawatan.
...
3. Pegawai yang layak mengambil peperiksaan: Pegawai-pegawai dalam Kumpulan A dan B yang bukan teknikal disyaratkan mengambil peperiksaan perkhidmatan.
4. Sukatan Peperiksaan: (termasuk masa, markah dan soalan) BAHAGIAN I - PERINTAH-PERINTAH DAN ARAHAN PENTADBIRAN Soalan-soalan akan ditanya berdasarkan kepada perintah-perintah dan arahan-arahan berikut:

Seksyen I -

- (i) Arahan Perbendaharaan, Pekeliling-pekeliing dan Surat-surat Pekeliling yang berkaitan.
- (ii) Financial Procedure Act, 1957. (Disemak 1972)-Act No. 61.

Seksyen II

- (i) Perintah Am Bab A, B, C dan D.

Seksyen III

- (i) Arahan Perkhidmatan.
- (ii) Panduan Keselamatan Kerajaan.

Soalan-soalan akan disediakan seperti berikut:

Seksyen I - 5 soalan.

Seksyen II - 5 soalan.

Seksyen III - 4 soalan.

Calon-calon dikehendaki menjawab 3(tiga) soalan daripada tiap-tiap seksyen. 1(satu) soalan lagi boleh dipilih daripada mana-mana seksyen.

Calon-calon *hanya dibenarkan* merujuk kepada Arahan-arahan dan Perintah-perintah di atas.

Masa: 3 jam.
Markah: 100.
Soalan : 14 jawab 10.

BAHAGIAN II - PERLEMBAGAAN DAN UNDANG-UNDANG AM

Soalan-soalan akan ditanya berdasarkan kepada undang-undang berikut:

- (i) Perlembagaan Malaysia.
- (ii) Delegation of Power Ordinance, 1956 (Cetakan Semula 1965).
- (iii) Interpretation and General Clauses Ordinance,. 1948 (Cetakan Semula 1979)
- (iv) Intepretation Act, 1967 (Cetakan Semula 1981).
- (v) Government Contract Act 1949 (Disemak 1973)-Act No. 120.
- (vi) Contracts Act 1950 (Disemak 1974)-Act No. 136.
- (vii) Prevention of Corruption Act, 1961(Disemak 1971)-Act. No. 57.
- (viii) Kanun Tanah Negara, 1965-Act 56/1965-Penggal II-Perlupusan Tanah-

Bahagian IV-Perlupusan secara lain daripada pemilikan,

Bahagian V-Perlupusan secara pemberi milikan.

- (ix) Companies Act, 1965 (Disemak 1973)-Act No. 125 - Beberapa bahagian sahaja:
 - (a) Part I - Section 4 - Intepretation
 - (b) Part III - Division 1 - Constitution of Companies
Division 2 - Incorporation and powers
 - (c) Part IV - Division 3 - Share
Division 4 - Debentures
 - (d) Part V - Division 1 - Office and Name
Division 2 - Directors and Officers
Division 3 - Meetings and Proceedings

(e) Part VI - Division 1 - Accounts

Division 2 - Audit

Masa: 3 jam.

Markah: 100.

Soalan: 14 Jawab 10. (Sekurang-kurangnya satu soalan akan disediakan daripada tiap-tiap undang-undang di atas dan tidak lebih daripada dua soalan.)

Calon-calon *hanya dibenarkan* merujuk kepada undang-undang di atas sahaja.

BAHAGIAN III - AKTA KETERANGAN 1950 (Act 56), KANUN ACARA JENAYAH (F.M.S. Cap 6) DAN KANUN KESIKSAAN (F.M.S. Cap. 45).

Sebanyak 4 (empat) dan tidak lebih daripada 5 (lima) soalan akan disediakan daripada undang-undang di atas. Calon-calon dikehendaki menjawab sekurang-kurangnya 3 (tiga) soalan daripada tiap-tiap undang-undang. 1 (satu) soalan lagi boleh dipilih daripada mana-mana undang-undang.

Masa: 3 jam

Markah: 100.

Soalan: 14 jawab 10.

Calon-calon *hanya dibenarkan* merujuk kepada undang-undang di atas sahaja.

- | | | | | | |
|-----|---------------------------------------|-----|-----|-----|---|
| 5. | Pengecualian: | ... | ... | ... | Calon-calon yang lulus mana-mana bahagian adalah dikecualikan daripada mengambil bahagian tersebut sekali lagi. |
| 6. | Kelulusan: | ... | ... | ... | Lulus/Kandas. |
| 7. | Perneriksa: | ... | ... | ... | Akan ditetapkan oleh Panel Sabjek Lembaga. |
| 8. | Bahasa: (soalan dan jawapan) | | | | Bahasa Malaysia. |
| 9. | Permohonan dikemukakan kepada: | | | | Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam. |
| 10. | Pusat Peperiksaan: | ... | ... | | Akan ditetapkan oleh Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, |
| 11. | Keseringan dan tarikh peperiksaan: | | | | Dua kali setahun. |
| 12. | Tarikh akhir mengemukakan permohonan: | | | | Sebulan sebelum tarikh peperiksaan. |
| | Bahan-bahan Rujukan - | | | | Sebagaimana yang dinyatakan di dalam sukatan peperiksaan. |
| | Bahagian I,II dan III | ... | | | |

SUKATAN PEPERIKSAAN UNDANG-UNDANG KERAJAAN (SABJEK
JABATAN) UNTUK PEGAWAI TADBIR AM

- | | | |
|---|--------|---|
| 1. Matlamat
Sukatan: | | Sabjek jabatan diadakan supaya undang-undang dan tugas-tugas yang khusus bagi jawatan berkenaan dapat diperkenalkan kepada calon-calon. Sabjek Jabatan merupakan sabjek yang mengandungi sukatan yang terperinci mengenai bidang tugas pegawai dalam jabatan berkenaan. |
| 2. Tujuan
Peperiksaan: | | Untuk pengesahan dalam jawatan. |
| 3. Pegawai yang layak
mengambil peperiksaan: | | Pegawai Tadbir Am dalam tempoh percubaan. |
| 4. Sukatan
Peperiksaan:(termasuk
masa, markah dan soalan) | | BAHAGIAN IV-SABJEK UNTUK PEGAWAI TADBIR AM
Kertas ini mengandungi soalan-soalan mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan yang di bahagikan kepada seksyen-seksyen berikut: |

Seksyen I -

Soalan-soalan akan ditanya berdasarkan kepada undang-undang berikut:

- (i) National Land Code, 1965--Act No. 56/ 1965.
- (ii) Law Acquisition Act, 1960 (Cetakan Semula 1976) Act No. 34/1960.
- (iii) Small Estates (Distribution) Act, 1955(Disemak 1972)- Act No. 98.
- (iv) Elections Act, 1958 (Disemak 1970) - Act No. 19.
- (v) Election (Registration of Election) Regulation, 1971- P.U. (A) 326/1971.
- (vi) Election Offences Ordinance, 1954 (Disemak 1969)- Act No. 5.
- (vii) Election (Conduct of Election) Regulations, 1981-P.U. (A) 386/1981.

Sebanyak 5 soalan akan ditanya daripada seksyen di atas dan calon-calon dikehendaki menjawab 3 soalan daripadanya.

Calon-calon *hanya dibenarkan* merujuk kepada undang-undang di atas sahaja.

Seksyen II

Soalan-soalan akan ditanya berdasarkan kepada Undang-undang berikut:

- (i) Immigration Act, 1959/63. (Disemak 1975) - Act No. 155.

- (ii) Immigration Regulations 1963-L.N. 228/1963-dan perintah-perintah yang dibuat di bawah Manual of Consular Instructions.
- (iii) Perlembagaan Malaysia, Bahagian 3, Kewarganegaraan.
- (iv) Passport Act, 1966 (Disemak 1974) - Act No. 150.
- (v) National Registration Regulation, 1960 L.N. 151/1960.

Sebanyak 4 soalan akan ditanya daripada seksyen di atas dan calon-calon dikehendaki menjawab 3 soalan daripadanya.

Calon-calon *hanya dibenarkan* merujuk kepada undang-undang di atas sahaja.

Seksyen III -

Soalan-soalan akan ditanya berdasarkan kepada undang-undang berikut:

- (i) Industrial Relation Act, 1967 (Disemak 1976) - Act No. 177.
- (ii) Employment (Restriction) Act, 1968 - Act No. 36/1968.
- (iii) Employment Restriction (Employment Permit) Regulations, 1969-P.U. (A) 220A/69.
- (iv) Road Traffic Ordinance, 1958 - F.M. Ord. 49/1958.
- (v) Akta Pertubuhan 1966 - Act 13/1966 dan Peraturan-peraturan Pertubuhan.

Sebanyak 5 soalan akan ditanya daripada seksyen di atas dan calon-calon dikehendaki menjawab 3 soalan daripadanya.

Seksyen I-5 soalan akan disediakan, DIKEHENDAKI jawab 3.

Seksyen II-4 soalan akan disediakan, DIKEHENDAKI jawab 3.

Seksyen III-5 soalan akan disediakan, DIKEHENDAKI jawab 3.

1 (satu) soalan lagi bolehlah dipilih daripada mana-mana seksyen.

Masa: 3 jam.
 Markah: 100.
 Soalan: 14 jawab 10.

- 5. Kelulusan: Lulus/Kandas.
- 6. Pemeriksaan: Akan ditetapkan oleh Panel Sabjek Lembaga.

- | | | |
|-----|---------------------------------------|---|
| 7. | Bahasa: (soalan dan jawapan) | Bahasa Malaysia. |
| 8. | Permohonan dikemukakan kepada: | Urusetia Peperiksaan, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam. |
| 9. | Pusat Peperiksaan | Akan ditetapkan oleh Urusetia Peperiksaan. |
| 10. | Keseringan dan tarikh peperiksaan: | 2 kali setahun. |
| 11. | Tarikh akhir mengemukakan permohonan. | Sebulan sebelum tarikh peperiksaan. |
| | Bahan-bahan Rujukan - Bahagian I ... | Sebagaimana yang dinyatakan di dalam sukatan peperiksaan. |

SUKATAN PEPERIKSAAN UNDANG-UNDANG KERAJAAN (SABJEK JABATAN) UNTUK PEGAWAI PESAKA KECIL

- | | | | |
|----|---|--------|---|
| 1. | Matlamat Sukatan | | Subjek jabatan diadakan supaya undang-undang dan tugas-tugas yang khusus bagi jawatan berkenaan dapat diperkenalkan kepada calon-calon. Subjek Jabatan merupakan subjek yang mengandungi sukatan yang terperinci mengenai bidang tugas pegawai dalam jabatan berkenaan. |
| 2. | Tujuan Peperiksaan | | Untuk pengesahan dalam jawatan. |
| 3. | Pegawai yang layak mengambil peperiksaan | | Pegawai Pesaka Kecil dalam tempoh percubaan. |
| 4. | Sukatan Peperiksaan: (termasuk masa, markah dan soalan) | | BAHAGIAN IV - SABJEK JABATAN UNTUK PEGAWAI PESAKA KECIL |

Kertas ini mengandungi soalan-soalan mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan yang bahagikan kepada seksyen-seksyen berikut:

Pecahan I -

Soalan-soalan akan ditanya berdasarkan kepada undang-undang berikut:

- (i) National Land Code, 1965 - Act No. 56/1965.
- (ii) National Land Code (Penang and Malacca) Titles Act (Cetakan Semula 1966) - Act No. 2/1963.
- (iii) Land (Group Settlement Areas) Act, 1960 - Act No. 13/1960.
- (iv) Customary Tenure F.M.S. Enactment Cap. 215.
- (v) Mining Enactment, F.M.S. Cap. 147 (Cetakan Semula 1975).

Sebanyak 5 soalan akan ditanya daripada pecahan di atas dan calon-calon dikehendaki menjawab 3 soalan daripadanya.

Calon-calon *hanya dibenarkan* merujuk kepada undang-undang di atas sahaja.

Masa: 3 jam.

Markah: 100.

Soalan: 5 jawab 3.

Pecahan II -

Soalan-soalan bagi pecahan ini dibahagikan kepada 2 (dua) seksyen.

Seksyen I -

Soalan-soalan akan ditanya berdasarkan kepada Undang-undang berikut:

- (i) Small Estates (Distributions) Act, 1955 (Disemak 1972) - Act No. 98.
- (ii) Small Estates (Distribution) Regulations, 1955 (Cetakan Semula 1973)- L.N. 495/1955.
- (iii) Distribution Ordinance, 1958 - Ord. No. 1/1958.

Sebanyak 5 soalan akan ditanya daripada seksyen di atas dan calon-calon dikehendaki menjawab 3 soalan daripadanya.

Calon-calon *hanya dibenarkan* merujuk kepada undang-undang di atas sahaja.

Seksyen II -

Soalan-soalan akan ditanya daripada undang-undang berikut:

- (i) Trustee Act 1949 (Disemak 1978) - Act No. 208.
- (ii) Probate and Administration Act, 1959 (Disemak 1972) - Act No. 97.
- (iii) Oaths and Affirmations Act, 1959 (Disemak 1977) - Act No. 194.
- (iv) Age of Majority Act, 1971 - Act No. 21.
- (v) Estate Duty Enactment - F.M.S. En. 7/1941. (Cetakan Semula 1976).
- (vi) Powers of Attorney Ordinance, 1949 - Ord. No. 64/1949.
- (vii) Mental Disorders Ordinance, 1952 Ord. No. 31/1952.
- (viii) Presumption of Survivorship Act, 1950 (Disemak 1978) - Act No. 205.
- (ix) Limitations Act, 1953 (Disemak 1981) - Act No. 254.
- (x) Guardianship of Infants Act, 1961 - Act No. 13/1961.
- (xi) Registration of Adoption Act 1952. (Disemak 1981) - Act No. 253.

Sebanyak 7 soalan akan ditanya daripada seksyen di atas dan calon-calon dikehendaki menjawab 4 soalan daripadanya.

Calon-calon *hanya dibenarkan* merujuk kepada undang-

undang di atas sahaja

Masa: 3 jam.

100.

Markah: 12 jawab 7.

Soalan:

SUKATAN PEPERIKSAAN UNDANG-UNDANG KERAJAAN (SABJEK
JABATAN) BAGI PENGUASA POS

1. Matlamat Sukatan: Subjek jabatan diadakan supaya undang-undang dan tugas-tugas yang khusus bagi jawatan berkenaan dapat diperkenalkan kepada calon-calon. Subjek Jabatan merupakan subjek yang mengandungi sukatan yang terperinci mengenai bidang tugas pegawai dalam jabatan berkenaan.
 2. Tujuan Peperiksaan: Untuk pengesahan dalam jawatan.
 3. Pegawai yang layak mengambil peperiksaan: Penguasa Pos dalam tempoh percubaan.
 4. Sukatan Peperiksaan: (termasuk masa, markah dan soalan) BAHAGIAN IV - SABJEK JABATAN UNTUK PENGUASA POS

Soalan-soalan akan ditanya berdasarkan kepada undang-undang berikut:
 - (i) Post Office Act 1947 (Disemak 1978) - Act No. 211 dan peraturan- peraturan di bawahnya.
 - (ii) Akta Bank Simpanan Nasional, 1974 - Act No. 146 - dan peraturan- peraturan di bawahnya.

Calon-calon hanya dibenarkan merujuk kepada undang-undang di atas sahaja.
 5. Kelulusan: Lulus/Kandas.
 6. Pemeriksa: Akan ditetapkan oleh Panel Subjek Lembaga.
 7. Bahasa:(soalan dan jawapan) Bahasa Malaysia.
 8. Permohonan dikemukakan kepada: Panel Subjek Jabatan.
 9. Pusat Peperiksaan: Akan ditetapkan oleh Panel Subjek Jabatan.
 10. Keseringan dan tarikh peperiksaan: 2 kali setahun.
 11. Tarikh akhir mengemukakan permohonan: Sebulan sebelum tarikh peperiksaan.
- Bahan-bahan Rujukan-
Bahagian IV Undang-undang dan peraturan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Sukatan Peperiksaan.

SUKATAN PEPERIKSAAN UNDANG-UNDANG KERAJAAN (SABJEK JABATAN)
BAGI PENGUASA KASTAM

1. Matlamat Sukatan: Subjek jabatan diadakan supaya undang-undang dan tugas-tugas yang khusus bagi jawatan berkenaan dapat diperkenalkan kepada calon-calon. Subjek Jabatan merupakan subjek yang mengandungi sukatan yang terperinci mengenai bidang tugas pegawai dalam jabatan berkenaan.
2. Tujuan Peperiksaan: Untuk pengesahan dalam jawatan.
3. Pegawai yang layak mengambil peperiksaan: Penguasa Pos dalam tempoh percubaan.
4. Sukatan Peperiksaan: (termasuk masa, markah dan soalan) BAHAGIAN IV - SABJEK JABATAN UNTUK PENGUASA KASTAM

Soalan-soalan akan ditanya berdasarkan kepada undang-undang berikut:
 - (i) Customs Act, 1967 (Revised 1960) Act 235.
 - (ii) Akta Eksais, 1976, Akta 176.
 - (iii) Akta Cukai Jualan, 1972, Akta 64.
 - (iv) Dangerous Drugs Act, 1952 (Revised 1980) Act 234
 - (v) Agricultural Pests and Noxious Plants Act 1976 - Act 167.
 - (vi) Animal Ordinance, 1953, Ordinance 17.
 - (vii) Sales of Food and Drugs Ordinance, 1952 Ordinance 28.
 - (viii) Poisons Ordinance, 1952 Ordinance 29.
 - (ix) Arms Act, 1960 (Revised 1978) Act 206.
 - (x) Petroleum Ordinance 1949, Ordinance 46.
 - (xi) Post Office Act, 1947 (Revised 1978) Act 211.
 - (xii) Exchange Control Act 1953 (Revised 1969) Act. 17.
 - (xiii) Akta Cukai Perkhidmatan 151/1975.
 - (xiv) Akta Zon Perdagangan Bebas 1971. Akta 24.

Masa: 3 jam.

Markah: 100.
Soalan: 12 jawab 10.

Calon-calon *hanya dibenarkan* merujuk kepada undang-undang di atas sahaja.

- | | | |
|---|--------|---|
| 5. Kelulusan: | | Lulus/Kandas. |
| 6. Pemeriksa: | | Akan ditetapkan oleh Panel Subjek Lembaga. |
| 7. Bahasa: (soalan dan jawapan) | | Bahasa Malaysia. |
| 8. Permohonan dikemukakan kepada: | | Panel Subjek Jabatan. |
| 9. Pusat Peperiksaan: | | Akan ditetapkan oleh Panel Subjek Jabatan. |
| 10. Keseringan dan tarikh peperiksaan: | | 2 kali setahun. |
| 11. Tarikh akhir mengemukakan permohonan. | | Sebulan sebelum tarikh peperiksaan. |
| Bahan-bahan Rujukan | | Sebagaimana yang dinyatakan di dalam Sukatan Peperiksaan. |
| Bahagian IV | | |